

# Permohonan sewa tapak bazar

## Ramadan

**K**UALA LUMPUR: Warga kota yang berminat menambah pendapatan sempena Aidilfitri boleh mendapatkan borang permohonan menyewa tapak Bazar Ramadan di Stadium Titiwangsa, Taman Tasik Titiwangsa mulai 29 Jun hingga 1 Julai ini.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Ahmad Fuad Ismail, berkata penyewaan bazar kendalian Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) itu dibahagikan kepada dua iaitu kawasan undi dan bukan undian membabitkan 83 lokasi dengan 6,655 tapak niaga di seluruh ibu negara.

Beliau berkata, memastikan sistem undian dilaksanakan secara adil dan telus, pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) turut memantau proses itu yang dijadualkan berlangsung 9 Julai.

"Tahun ini unit gerai yang diperuntukkan berkurangan berbanding tahun lalu sebanyak 6,706 berdasarkan beberapa faktor termasuk kesesakan teruk seperti di sekitar Puduraya.

"Namun, bagi mengelakkan kekecohan atau ketidakpuasan hati, orang ramai dinasihatkan tidak mendapatkan borang atau berlengah-lengah mengisinya berserta tiga keping gambar dan deposit RM300 berbentuk draf bank dan wang pos bagi kawasan undi," katanya.

Ahmad Fuad juga mengingatkan peniaga yang mendapat kelulusan tidak mengalibabakan lesen kerana DBKL akan membuat pemantauan berkala.

Sementara itu, 29 Jun hingga 1 Julai adalah tarikh pengambilan borang bagi kawasan tidak mengundi kelolaan DBKL, manakala 30 Jun hingga 1 Julai bagi kawasan tidak undi kelolaan persatuan dan badan bukan kerajaan (NGO) dan borang bagi kawasan undi membabitkan Lorong Tuanku Abdul Rahman dan sekitarnya.

Ahmad Fuad berkata, penyeragaman pengeluaran borang permohonan tapak secara serentak adalah untuk mengelakkan masalah atau tidak puas hati selain menggalakkan persatuan dan NGO tidak melenyahkan permohonan mereka.

Bazar Ramadan berlangsung selama 30 hari bermula awat puasa hingga 31 September dan sebelum peniaga makanan dikehendak menunjukkan kad ujian typhoid ketika menghadiri siri menyertai kursus pengendalian makanan pada 22 hingga 21 Ogos.